



YUSERRIE ZAINUDDIN (lima dari kanan) dan Hussamuddin Yaakub (lima dari kiri) menyempurnakan perasmian Bicara Khas dan Rumah Ngaji Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2018 di Masjid UMP, Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/MAHATHIR ALI

utusan malaysian (Daklin Negeri) 3 Mac 2018 (sabtu) n/s: 8

Tuntut ilmu al-Quran di Rumah Ngaji@UMP

KUANTAN 2 Mac – Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan masyarakat setempat disarankan mengambil peluang sepenuhnya untuk mendalami ilmu al-Quran sempena pelancaran Rumah Ngaji @UMP di kampus Gambang di sini ini.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Profesor Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, pada masa sama, aktiviti sedemikian dapat

merapatkan hubungan silaturahim selaras dengan tema universiti iaitu memasyarakatkan teknologi.

“Pelbagai aktiviti mampu dijalankan termasuk pembelajaran dan memperbaiki bacaan, memahami dan *tadabbur* ayat-ayat al-Quran.

“Kita yakin pelaksanaan program kendalian tenaga pengajar terlatih mampu mencapai objektif program serta mampu merea-

lisasikan nilai teras UMP untuk menjaga hubungan dengan Allah SWT,” kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam program Bicara Khas dan Perasmian Rumah Ngaji @UMP di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengasas Yayasan Warisan Ummah Ikhlas, Datuk Dr. Hussamuddin Yaakub dan Duta World #QuranHour, Norman Hakim.

World #QuranHour adalah

program anjuran Yayasan Warisan Ummah Ikhlas sejak 2015 sebagai permulaan untuk melaksanakan perubahan pemikiran melalui al-Quran, *taddabur* dan *tazakkur*.

Menurut Yuserrie, Rumah Ngaji @UMP terletak di Masjid UMP kampus Gambang itu terbuka kepada semua warga UMP termasuk kampus Pekan, agensi kerajaan dan swasta serta komuniti setempat.